

# Usaha perkasa sistem kesihatan negara diteruskan

BA - 28/10/2021 mlk: 2

**Kuala Lumpur:** Bajet 2022 yang akan dibentangkan di Parlimen esok akan meneruskan usaha memperkasa sistem kesihatan, termasuk memberi penekanan kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D) supaya negara bersedia, sekiranya terdapat gelombang baharu pandemik COVID-19.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata selain itu, Bajet 2022 juga akan memberi tumpuan utama untuk melindungi, memulih kehidupan serta mata pencarian rakyat dan perniagaan, selain membina semula daya ketahanan negara dan memangkinkan pembaharuan pasca pandemik yang lebih mampan.

Beliau berkata, R&D termasuk dalam penghasilan vaksin COVID-19 yang bukan sahaja untuk kegunaan rakyat, malah berpotensi dieksport ke negara yang memerlukan.

“Sekarang kita harapkan vaksin dari negara lain, ada satu ketika vaksin (yang ditempah) lewat sampai sehingga memberi kesan kepada kita (Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan).

“Sebab itu, R&D perlu diperkasa untuk menghasilkan bukan sahaja vaksin COVID-19 tetapi banyak lagi vaksin lain, selain ubat-ubatan baharu,” katanya.

Perdana Menteri berkata, walaupun sudah lebih 70 peratus keseluruhan populasi negara lengkap divaksin, ia bukan alasan terlalu selesa dengan keadaan terbabit, sebaliknya masih perlu berhati-hati dan meneruskan disiplin mengikuti prosedur operasi standard (SOP).

Beliau berkata, dalam Ran-

cangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), antara keutamaan kerajaan dalam jangka masa sederhana hingga jangka masa panjang adalah penyusunan semula sistem kesihatan negara.

Pelan Rangka Tindakan Pembaharuan Sistem Penjagaan Kesihatan Malaysia, katanya, akan diperkenalkan sebagai hala tuju baharu untuk mentransformasi sistem penjagaan kesihatan negara.

Menjelang lanjut mengenai Bajet 2022 kepada sektor kesihatan, Perdana Menteri berkata, beliau sudah meminta Kementerian Kewangan memberi penekanan bukan sahaja terhadap pembinaan hospital baharu, tetapi juga Klinik Desa.

Katanya, pembinaan Klinik Desa, terutama di Sabah dan Sarawak, amat penting disebabkan kedudukan hospital yang jauh serta laluan sukar untuk mendapatkan perkhidmatan di premis kesihatan terbabit.

Dalam perkembangan bera-singan, Perdana Menteri berkata, aspek kebajikan 1.6 juta penjawat awam sentiasa diberi perhatian dan tidak akan dilupakan dalam Bajet 2022 ini.

“Kita sangat menghargai penjawat awam kerana mereka sangat penting kepada pembangunan negara, tentu sekali tidak pernah melupakan mereka... tunggu sajalah pembentangan Bajet 2022,” katanya.

Dua aspek yang diberi tumpuan dalam Bajet 2022 adalah penajaan pekerjaan bagi sektor swasta dan awam bagi mengatasi masalah pengangguran dan pendidikan yang merangkumi peruntukan untuk semua institusi pendidikan.